

Headline	Pengawal keselamatan nyaris maut		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	20 May 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	20	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	248 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,431
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,293



Pengawal keselamatan nyaris maut

Pacuan empat roda dipandu mangsa bertembung dengan kenderaan lain dari arah bertentangan

KUALA LIPIS - Seorang pengawal keselamatan nyaris maut apabila kenderaan pacuan empat roda yang dipandunya terbabit dalam satu kemalangan kira-kira jam 6.30 pagi semalam.

Ketua Polis Daerah, Superintendan Abdul Razak Hassani berkata, mangsa, Ramli Ismail, 55, bekerja sebagai pengawal keselamatan di Tabung Haji Lipis dipercayai sedang memandu dari arah Kuala Lipis menuju

ke Padang Tengku.

Menurutnya, sampai di tempat kejadian di kilometer 8, jalan Kuala Lipis-Merapoh berhampiran Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan kenderaan yang dipandu Ramli telah bertembung dengan sebuah kereta jenis Toyota Datsun yang datang dari arah bertentangan.

"Siasatan awal polis mendapati kereta jenis Toyota Datsun yang dipandu oleh se-

orang pekerja lombong emas berusia 37 tahun itu gagal dikawal ketika melalui selekoh di kawasan itu.

"Akibatnya kereta berkenaan telah memasuki laluan di sebelah kanan jalan dan bertembung dengan pacuan empat roda terbabit," katanya di sini, semalam.

Abdul Razak berkata, walaupun kedua-dua kenderaan tersebut mengalami kerosakan teruk di bahagian hadapan namun

tiada sebarang kecederaan dialami oleh kedua-dua pemandu.

"Siasatan awal di tempat kejadian mendapati keadaan jalan berselekoh dan permukaan jalan licin akibat hujan.

"Para pemandu dinasihatkan agar lebih berhati-hati ketika memandu kenderaan terutama ketika hujan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku," katanya.



Keadaan kenderaan pacuan empat roda milik Ramli yang terbabit dalam kejadian kemalangan pagi semalam.